

Usah Jemput Individu Bersalah Lakukan Jenayah Perang Ke Malaysia - Dr Mahathir Bernama
11 Mei, 2012

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad kesal dengan sikap sesetengah rakyat Malaysia yang memandang tinggi beberapa individu dari Barat yang didapati bersalah melakukan jenayah perang.

Dr Mahathir, yang juga pengasas dan pengerusi Yayasan Menjenayahkan Perang Kuala Lumpur (KLFCW), berkata beliau begitu terperanjat apabila mengetahui beberapa ahli perniagaan Malaysia menjemput seorang penjenayah perang untuk memberi ceramah di negara ini.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri prosiding Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur (KLWCT).

Terdahulu, tribunal itu memutuskan bekas Presiden Amerika Syarikat George W. Bush serta tujuh sekutunya bersalah melakukan Jenayah Perang dan Jenayah Penyeksaan.

Pada 22 Nov tahun lepas, KLWCT turut mensabitkan bekas Perdana Menteri Britian Tony Blair bagi kesalahan Jenayah Terhadap Keamanan kerana merancang, membuat persediaan serta menceroboh Iraq pada 19 Mac 2003, yang melanggar Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan undang-undang antarabangsa.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665601>